

Kembar Bumi yang Toksik: Zuhrah

written by Hazrul | 07/06/2023

Zuhrah merupakan objek ketiga yang paling terang selepas [Matahari](#) dan [Bulan](#), dinamakan sempena [dewi cinta dan kecantikan Rom](#). Ia merupakan satu-satunya planet yang dinamakan sempena seorang dewi.

Zuhrah sering dipanggil sebagai “kembar Bumi” kerana persis saiz dan strukturnya, tetapi Zuhrah mempunyai haba permukaan yang melampau dan atmosfera toksik yang padat.

Zuhrah ialah planet kedua yang paling dekat dengan Matahari, mengorbit pada jarak kira-kira 67 juta batu (108 juta kilometer). Planet ini berputar sangat perlahan pada paksinya - satu hari di Zuhrah akan mengambil masa selama 243 hari Bumi. Planet ini mengorbit Matahari lebih cepat daripada Bumi. Walau bagaimanapun, satu tahun di Zuhrah akan mengambil masa kira-kira 225 hari di Bumi, menjadikan sehari di Zuhrah menjadi lebih lama daripada tahunnya.

Atmosfera tebal di Zuhrah bertindak memerangkap haba dan seterusnya mewujudkan kesan rumah hijau, menjadikannya planet paling panas dalam sistem suria kita dengan suhu permukaan yang cukup panas untuk mencairkan [plumbum](#). [Kesan rumah hijau](#) ini menjadikan Zuhrah mempunyai suhu kira-kira 700°F (390°C) lebih panas berbanding tanpa kesan rumah hijau.

Disediakan oleh:

Rashid Ating

Penyelidik di Jabatan Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, dan di Institut Pengajian Termaju (IAS), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.